

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN
[RASAHL]**

SOALAN NO. 105

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan daripada Program Pembangunan Kampung Baru (Butiran 17400 dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019) yang berjumlah RM85.5 juta, yang akan diagihkan kepada kampung baru di Negeri Sembilan dan pecahan yang akan diperoleh oleh setiap kampung baru di Negeri Sembilan, serta mekanisme bagaimana peruntukan akan diberikan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan sejumlah RM85.5 juta bagi pembangunan Kampung Baru Cina pada tahun 2019. Peruntukan ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam membangun dan meneruskan program-program pembangunan kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial di Kampung Baru. Antara Program Pembangunan Kampung Baru yang terlibat adalah seperti berikut:

- (a) Program Pembangunan Infrastruktur sebanyak RM60.5 juta;
- (b) Program Bantuan Baik Pulih Rumah sebanyak RM5 juta; dan
- (c) Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru sebanyak RM20 juta.

2. KPKT juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM5.7 juta kepada 59 Kampung Baru di Negeri Sembilan. Peruntukan ini akan disalurkan melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Semua projek kecil di Kampung Baru akan dilaksanakan oleh MPKK yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, KPKT tidak menetapkan amaun yang khusus kepada setiap kampung memandangkan keperluan projek yang dimohon adalah tidak sama.

Sekian, terima kasih.